

Tingkat 2, Blok A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.



**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG**  
**STATE SECRETARY OF PAHANG**

• Telefon : 09-5162253  
09-5126601  
• Fax : 09-5156106

**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

Ruj. Kami : SUKPHG-1.100-1/3/1 JLD.3 ( 6 )

Tarikh : 25 Mei 2026

**SURAT PEKELILING YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**  
**BILANGAN 2 TAHUN 2026**  
**Garis Panduan Langkah-Langkah Penjimatan Dan Pengukuhan**  
**Kewangan Negeri Pahang Dalam Menghadapi**  
**Ketidaktentuan Ekonomi Global**

**1. TUJUAN**

Garis panduan ini disediakan bagi menetapkan langkah-langkah pengukuhan fiskal Negeri Pahang serta kawalan perbelanjaan secara berhemah dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi global tahun 2026. Garis panduan ini juga bertujuan memastikan kedudukan kewangan negeri kekal stabil, mampan dan berdaya tahan melalui pengurusan kewangan yang cekap, berdisiplin dan berimpak tinggi kepada rakyat.

**2. LATAR BELAKANG**

Persekitaran ekonomi global yang tidak menentu akibat faktor geopolitik, gangguan rantai bekalan dan tekanan ekonomi semasa menuntut Kerajaan Negeri untuk mengambil pendekatan pengurusan kewangan yang lebih berhemat dan strategik. Sehubungan itu, semua jabatan hendaklah memberi

keutamaan kepada perbelanjaan kritikal, mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada serta memperkukuh kawalan aliran tunai bagi memastikan kestabilan fiskal negeri terus terpelihara.

### **3. PRINSIP PELAKSANAAN**

3.1 Dalam melaksanakan garis panduan ini, semua jabatan hendaklah berpegang kepada prinsip berikut dalam melaksanakan garis panduan ini:

- a) Keutamaan kepada perbelanjaan kritikal dan berimpak tinggi kepada rakyat;
- b) Pengoptimuman penggunaan sumber sedia ada;
- c) Pengurangan pembaziran dan perbelanjaan tidak kritikal;
- d) Peningkatan kecekapan melalui pendigitalan; dan
- e) Pematuhan kepada kawalan kewangan yang ketat dan berdisiplin.

3.2 Setiap perbelanjaan hendaklah dinilai berdasarkan keperluan sebenar, tahap keutamaan serta impaknya terhadap penyampaian perkhidmatan kerajaan.

### **4. STRATEGI PENGUKUHAN FISKAL NEGERI**

Bagi memastikan kedudukan kewangan negeri terus kukuh, semua jabatan dikehendaki melaksanakan beberapa strategi utama seperti berikut :

#### **4.1 Rasionalisasi Perbelanjaan Operasi (OPEX)**

Semua jabatan hendaklah melaksanakan pendekatan Zero-Based Budgeting (ZBB) dalam menilai semula keperluan perbelanjaan tanpa

bergantung kepada corak perbelanjaan tahun sebelumnya. Penekanan hendaklah diberikan kepada pengurangan kos utiliti, pengoptimuman sumber dalaman serta penangguhan penyelenggaraan yang tidak kritikal.

Semua program di bawah Aspirasi Pahang 1st dan Belanjawan 2026 hendaklah disemak semula dengan memberi keutamaan kepada program yang berimpak langsung kepada rakyat dan pemulihan ekonomi negeri. Program berskala besar yang melibatkan kos tinggi hendaklah ditangguhkan atau dikaji semula tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa negeri.

#### **Penangguhan Perjalanan Rasmi ke Luar Negara**

Semua perjalanan rasmi ke luar negara oleh Kerajaan Negeri hendaklah ditangguhkan sepanjang tahun 2026 kecuali bagi urusan yang benar-benar kritikal dan mendapat kelulusan khas Kerajaan Negeri.

#### **Pendekatan Berhemat bagi Penganjuran Program dan Latihan**

Semua jabatan hendaklah mengutamakan penggunaan Institut Latihan Awam (ILA), premis kerajaan atau hotel milik Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (S-GLC).

Latihan dan kursus hendaklah dilaksanakan secara dalam talian, *in-house* atau menggunakan kepakaran dalaman bagi mengurangkan kos operasi tanpa menjejaskan pembangunan kompetensi pegawai.

## **Pelaksanaan Model Kerja Fleksibel melalui Bekerja Dari Rumah (BDR)**

Pelaksanaan **Bekerja Dari Rumah (BDR)** secara giliran hendaklah diperluaskan kepada sektor yang bersesuaian melibatkan antara 20 hingga 30 peratus (20-30%) kakitangan pada satu-satu masa tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan. Pendekatan ini dapat membantu mengurangkan kos operasi pejabat di samping meringankan beban kakitangan dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup.

### **4.2 Penangguhan Projek Pembangunan Tidak Kritikal**

Keutamaan hendaklah diberikan kepada projek pembangunan yang sedang berjalan. Projek baharu yang tidak kritikal atau bukan berimpak tinggi hendaklah ditangguhkan sehingga kedudukan kewangan negeri bertambah stabil.

### **4.3 Pengurusan Aliran Tunai dan Penilaian Keutamaan Perbelanjaan**

Semua jabatan hendaklah melaksanakan saringan ketat terhadap setiap permohonan perbelanjaan berdasarkan kategori berikut:

- a) **Kategori Keperluan Kritikal** : Perbelanjaan hanya dibenarkan bagi kategori keperluan kritikal seperti perkhidmatan asas rakyat, keselamatan, pembayaran emolumen serta komitmen kewangan sedia ada.
- b) **Kategori Keperluan Nilai Tambah** : Perbelanjaan yang bersifat nilai tambah seperti naik taraf pejabat, pembelian aset baharu yang tidak mendesak, program *ad-hoc* tanpa impak jelas serta acara keraian hendaklah ditangguhkan sepenuhnya.

#### **4.4 Mekanisme Kawalan Pembangunan**

Pemantauan rapi akan dilaksanakan ke atas semua projek pembangunan. Sekatan baki peruntukan akan dilaksanakan pada suku ketiga (Q3) tahun 2026 bagi projek yang menunjukkan prestasi fizikal di bawah 50 peratus atau tidak kritikal. Tiada penggantian peruntukan bagi tajuk pembangunan baharu sepanjang tempoh kuat kuasa garis panduan ini.

### **5. LANGKAH PENJIMATAN OPERASI JABATAN (MANDATORI)**

Bagi memastikan kelestarian aliran tunai negeri, semua jabatan diwajibkan melaksanakan langkah penjimatan operasi secara serta-merta :

#### **5.1 Pengurusan Sumber Manusia**

Pelaksanaan BDR secara giliran melibatkan antara 20 hingga 30 peratus (20-30%) tenaga kerja tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan.

#### **5.2 Kawalan Perjalanan**

Penangguhan semua program dan perjalanan rasmi ke luar negara. Tuntutan perjalanan domestik hanya dibenarkan bagi tugas yang benar-benar kritikal dan tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.

#### **5.3 Digitalisasi Mesyuarat**

Pelaksanaan mesyuarat dalaman secara dalam talian kecuali bagi urusan melibatkan keselamatan atau kerahsiaan tinggi.

#### **5.4 Etika Acara Rasmi**

Larangan tempahan hotel dan katering mewah bagi program rasmi kerajaan. Semua program hendaklah dilaksanakan di premis kerajaan secara sederhana dan berhemah.

#### **5.5 Penangguhan Pengambilan Penjawat Baharu**

Penangguhan pengambilan baharu termasuk lantikan tetap atau kontrak bawah OS11000 dan OS29000 serta personel MySTEP kecuali bagi urusan penggantian atau pembaharuan kontrak;

#### **5.6 Penjimatan Tenaga**

Pelaksanaan langkah penjimatan tenaga serta utiliti oleh Pegawai Pengawal semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) selaras dengan **Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2014** termasuklah:

- a) Menetapkan suhu penghawa dingin kepada sekurang-kurangnya 24°C di semua ruang pejabat dan bilik mesyuarat; dan
- b) Memastikan lampu dan peralatan elektrik dimatikan apabila tidak digunakan, terutamanya semasa waktu rehat tengah hari dan selepas waktu pejabat.

#### **5.7 Penjimatan Perbelanjaan Utiliti dan Barang Pakai Habis**

Pegawai Pengawal hendaklah memastikan penjimatan berikut :

- a) Penjimatan perbelanjaan utiliti seperti telekomunikasi, elektrik dan air; dan

- b) Memastikan barang pakai habis seperti peralatan alat tulis, kertas, *toner* dan sebagainya digunakan secara optimum bagi mengelakkan pembaziran.

## **6. PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN**

- 6.1 Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan semua ketetapan dalam garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya. Pemantauan dalaman hendaklah dilaksanakan secara berkala bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan setiap langkah yang ditetapkan.
- 6.2 Perbendaharaan Negeri akan melaksanakan pemantauan menyeluruh dan mengambil tindakan kawalan termasuk sekatan peruntukan terhadap mana-mana jabatan yang gagal mematuhi garis panduan ini.

## **7. TARIKH KUAT KUASA**

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh surat ini dikeluarkan sehingga 31 Disember 2026 atau sehingga satu arahan baharu dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.

## **8. PEMAKAIAN**

- 8.1 Garis panduan ini terpakai kepada semua Jabatan dan Agensi Negeri Pahang, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (S-GLC).
- 8.2 Bagi Jabatan dan Agensi Persekutuan di Negeri Pahang, Ketua Jabatan boleh menggunakan budi bicara masing-masing berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa.


## 9. PENUTUP

Kerjasama dan komitmen semua pihak amat penting bagi memastikan langkah pengukuhan fiskal dan penjimatan perbelanjaan ini dapat dilaksanakan secara berkesan demi menjamin kestabilan kewangan negeri dan kelangsungan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

**"MUDAH, CEPAT, TELUS"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



( DATO' SRI NAZRI BIN ABU BAKAR, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., SMP. )

**Salinan kepada:**

**Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)**

**Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)**

**Semua Ketua Jabatan Negeri Pahang**

**Semua Pegawai Daerah Negeri Pahang**

**Semua Setiausaha Bahagian / Ketua Unit, Pejabat SUK Pahang**

**Semua Pihak Berkuasa Tempatan**

**Semua Badan Berkanun Negeri Pahang**

**Semua S-GLC Negeri Pahang**

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan Negeri Pahang**

**Semua Badan Berkanun Persekutuan Negeri Pahang**